

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 1  
RUANGAN : MUKA HADAPAN

## Penggunaan katil ICU 4 negeri lebih 50 peratus

Oleh Faris Fuad  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Empat negeri mencatatkan penggunaan katil di wad unit rawatan rapi (ICU) bagi pesakit COVID-19 melebihi 50 peratus dengan Johor tertinggi iaitu 70 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata penggunaan katil

ICU kedua tertinggi ialah Kelantan (61 peratus), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (58 peratus) dan Melaka (54 peratus).

"Bagi katil bukan ICU, terdapat empat negeri merekodkan penggunaan katil melebihi 90 peratus iaitu di Perlis sebanyak 109 peratus, Selangor (101 peratus), Kelantan (100 peratus) dan Perak (97 peratus).

**Nasional 9**

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Ketetapan baharu solat Jumaat di Selangor

Hanya individu lengkap vaksinasi, dos penggalak boleh berjemaah mulai 25 Februari

Oleh Ruwaida Md Zain  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Hanya yang lengkap dua dos vaksin dan dos penggalak COVID-19, dibenarkan hadir menunaikan solat Jumaat di masjid seluruh Selangor bermula Jumaat ini.


Perkembangan itu berdasarkan ketetapan terkini diedarkan secara dalaman oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) kepada pengurusan masjid, surau

dan musolla negeri. Ia sejajar arahan mempertingkatkan penguatkuasaan pematuan prosedur operasi standard (SOP) di masjid, surau dan musolla di Selangor dalam usaha mengawal penularan pandemik COVID-19.

Ahad lalu, daripada 28,734 kes baharu COVID-19 yang dilaporkan Kementerian Kesihatan (KKM), sejumlah 7,166 kes atau 24.9 peratus membabitkan penularan di Selangor.

Ketetapan surat edaran bertarikh 21 Februari yang dilihat media, menyatakan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenaan mengekalkan ketetapan solat Jumaat, solat lima waktu dan program pengimarahannya yang dikeluarkan JAIS bertarikh 20 Januari lalu.

Bagaimanapun, susulan perkembangan terkini penularan COVID-19 dan kebimbangan si-



Ketetapan baharu dikeluarkan JAIS kepada pengurusan masjid, surau dan musolla berkuat kuasa Jumaat ini bagi mengekalkan risiko penularan wabak di Selangor. (Foto hiasan)

tuasi lebih buruk serta menjejaskan aktiviti semasa di masjid, surau dan musolla, selain atas nasihat Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, baginda berkenaan agar pentadbir tiga kategori pusat ibadat berkenaan mempertingkatkan penguatkuasaan.

Antara perkara yang ditekan dalam edaran terbaru adalah jemaah yang menerima vaksin lengkap dua dos dan vaksin penggalak atau 'booster' dibenarkan hadir bagi menunaikan solat Jumaat.

Bagi pihak pentadbiran mas-

jid, surau dan musolla pula, mereka perlu memastikan penandaan kedudukan jemaah dilakukan dengan jelas di ruang dewan solat utama dan ruang limpah masjid, surau dan musolla berdasarkan penjarakan fizikal 1 meter.

Selain itu, jemaah perlu mengekalkan SOP sedia kala, iaitu sihat dan tidak bergejala, memakai pelitup muka, membawa sejajad besar dan berwuduk, selain memamer dan merekodkan kehadiran melalui aplikasi MySejahtera.

Pihak pengurusan juga perlu memastikan pengudaraan ruang solat berhawa dingin dengan membuka sebahagian pintu dewan solat utama masjid, surau dan musolla bagi memastikan tidak berlaku kitaran peredaran udara tepu yang memungkinkan penularan lebih mudah virus berkenaan.

Selain itu, pihak pengurusan perlu memastikan proses sanitasi dibuat secara berjadual, khususnya sebelum dan selepas solat atau majlis membabitkan penyertaan jemaah yang ramai.

## 57 laporan kesan mudarat imunisasi kanak-kanak

**Nibong Tebal:** Kementerian Kesihatan (KKM) menerima 57 laporan kesan mudarat berikutan imunisasi (AEFI) bagi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun yang mendapatkan suntikan vaksin melalui Program Imunisasi COVID-19 Kanak-Kanak (PICKids) setakat ini.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata 56 daripada kes berkenaan dalam kategori tidak serius, manakala satu kes serius membabitkan kanak-kanak yang mempunyai sejarah penyakit asma, namun sudah sembuh sepenuhnya daripada AEFI, selepas rawatan di hospital.

"Kes yang dilaporkan antaranya demam, sakit otot dan lenguh di tempat suntikan yang memang sering berlaku selepas divaksinasi. Ini gejala ringan yang biasanya akan hilang sepenuhnya selepas satu atau dua hari kemudian.

"KKM memantau rapat kes AEFI dan menasihati ibu bapa supaya memastikan anak-anak mereka yang menerima suntikan tidak terus membuat aktiviti lasak, selain segera melaporkan di aplikasi MySejahtera jika mereka mempunyai kesan selepas menerima vaksin," katanya.

Beliau berkata, Sarawak mendahului kadar penerimaan vaksinasi kanak-kanak, diikuti Melaka, Lembah Klang, Perak dan Pulau Pinang, semua merekodkan antara 20 hingga 30 peratus.

Namun, katanya, kadar pelarian kumpulan usia berkenaan di Kelantan, Terengganu dan Sabah masih rendah, iaitu bawah 10 peratus, sekali gus usaha untuk meningkatkan ibu bapa di tiga negeri berkenaan giat dijalankan.

"Antara puncanya, kebanyakannya ibu bapa masih ragu-ragu serta bersikap tunggu dan lihat. Namun, kita nasihatkan supaya mereka tidak berlelah lagi, de-

mi keselamatan anak-anak kerana tujuan vaksinasi adalah demi menyelamatkan nyawa dan mengurangkan risiko dimasukkan ke hospital.

"Melalui rekod sepanjang Julai hingga Disember tahun lalu, didapati 278,000 kanak-kanak dijangkiti COVID-19 dengan 63 kematian direkodkan," katanya menambah, KKM giat memberi penerangan terperinci kepada ibu bapa berhubung manfaat vaksin bagi melindungi kanak-kanak.

"Kita memang jemput pakar kanak-kanak untuk tampil memberi penerangan di stesen televisyen dan media sosial, termasuk mengadakan sesi webinar serta libat urus dengan beberapa jabatan berkaitan supaya ibu bapa lebih jelas," katanya.

Sehingga kini, seramai 564,220 kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun sudah menerima suntikan pertama vaksin COVID-19.



Dr Noor Azmi memberikan suntikan vaksin kepada Nur Adib Darwis Nordin, sambil diperhatikan ibunya, Azah Zainul, pada PICKids di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Sekolah Kebangsaan (SK) Saujana Indah, Nibong Tebal, semalam. (Foto Daniel Saad/BH)

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : NASIONAL

# Kes chikungunya, denggi meningkat

Orang ramai digesa pastikan persekitaran bebas tempat pembiakan nyamuk aedes

Oleh K Mohana Priya  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kes denggi di Malaysia meningkat 11 peratus bermula 3 Januari hingga Sabtu lalu berbanding tempoh sama 2021, manakala kes chikungunya pula mencatatkan peningkatan 18 peratus bagi tempoh sama.

Kementerian Kesihatan (KKM) dalam kenyataan semalam, memaklumkan kes denggi bagi tempoh 2 Januari hingga 19 Februari itu adalah 4,890, meningkat daripada 4,454 kes yang direkodkan bagi tempoh 3 Januari hingga 20 Februari tahun lalu.

"Kes chikungunya pula 177 bagi tempoh berkenaan berbanding 150 kes yang direkodkan untuk tempoh sama tahun sebelumnya," kata Kementerian berkenaan.

Sehubungan itu, KKM menggesa rakyat untuk melakukan langkah pencegahan di dalam dan luar kediaman serta premis mereka bagi memastikan persekitaran bebas daripada menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.



Orang ramai dinasihat musnahkan tempat pembiakan aedes. (Foto hiasan)

"Periksa lorong belakang rumah dan buang segala barang yang berpotensi menjadi tempat menampung air seperti alas pasu bunga dan pasu bunga, tong cat, peralatan lama atau terbiar, tangki septik serta tayar terpakai.

"Pastikan pemeriksaan dilakukan juga di dalam rumah seperti membersihkan alas penapis air, baldi, pam serta mangkuk tandas, kolah air, pelapik rak pinggan dan bekas jambangan bunga," katanya.

Pada masa sama, KKM menasihatkan orang ramai melakukan pemeriksaan di palong air hujan dan memastikan ia tidak tersumbat, manakala tanah yang

keras dalam pasu digembur.

"Palong air hujan dan pasu adalah tempat nyamuk aedes bertelur.

"Selain itu, luangkan masa selama 10 minit seminggu untuk melakukan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan nyamuk aedes," katanya.

Chikungunya adalah penyakit disebabkan oleh virus yang disebarkan oleh aedes, iaitu jenis nyamuk yang sama menyebarkan penyakit denggi.

Pesakit yang dijangkiti chikungunya akan mengalami demam, ruam, sakit badan dan sakit sendi yang boleh mengganggu pergerakan pesakit.

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Tak patuh SOP punca kes kluster pendidikan naik

367 kluster dilapor dalam tempoh awal tahun ini hingga Sabtu lalu

Oleh Faris Fuad  
faris.fuad@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 367 kluster pendidikan dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) dalam tempoh awal tahun ini hingga Sabtu lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada jumlah itu, 21 kluster pendidikan sudah tamat, manakala baki 346 lagi masih aktif.

Trend mingguan kluster pendidikan menunjukkan peningkatan ketara daripada Minggu Epidemiologi (ME) 1/2022 hingga ME 7/2022.

"Terdapat trend penurunan pada ME 5/2022 disebabkan cuti perayaan Tahun Baharu Cina, namun trend ini dilihat kembali

meningkat pada ME 6/2022 dan ME 7/2022 dengan peningkatan kes ketara di seluruh negara," katanya dalam kenyataan, semalam.

Negeri melaporkan kluster pendidikan paling tinggi adalah Kelantan dengan 54 kluster, diikuti Selangor (49), Pahang (38), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (37) dan Sabah (34).

Dr Noor Hisham memaklumkan, siasatan mendapati 328 kluster atau 89.4 peratus dengan kes indeks adalah pelajar, 31 kluster (8.5 peratus) adalah guru atau pensyarah, enam kluster (1.6 peratus) pula kakitangan sokongan pusat pendidikan serta baki dua kluster (0.6 peratus) dengan kes indeks adalah keluarga.

Katanya, majoriti kes dilapor-

kan adalah kategori bergejala ringan atau tiada gejala dengan pecahan 12,579 kes (76.4 peratus) dalam kategori dua; 3,850 (23.4 peratus) kategori satu dan 35 (0.2 peratus) kategori tiga serta empat dengan semua kes sudah mendapatkan rawatan dan stabil.

Beliau berkata, peringkat sekolah menengah melaporkan kluster paling tinggi, iaitu sebanyak 232 kluster diikuti kolej (68), sekolah rendah (25), universiti (22) dan prasekolah (20).

"Semua 257 sekolah terbabit adalah di bawah pelbagai agensi, termasuk Kementerian Pendidikan (KPM), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan maahad tahfiz.

"Sehingga 19 Februari lalu, sebanyak 232 kluster membabitkan

sekolah menengah dan 25 kluster sekolah rendah masih aktif," katanya.

Daripada jumlah itu, 107 sekolah atau 42.3 peratus ditutup sementara untuk pembersihan serta dijadikan tempat kuarantin dan 150 sekolah (58.4 peratus) hanya memerlukan penutupan kelas.

Beliau berkata, siasatan menunjukkan punca utama jangkitan dan penularan COVID-19 dalam kalangan warga pendidikan disebabkan pelbagai perkara, termasuk ketidakpatuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) dalam dan luar waktu pengajian, terutama di asrama atau di rumah sewa pelajar.

"Amalan pemakaian pelitup muka di asrama juga didapati belum pada tahap optimum.

"Cadangan penambahbaikan, termasuk guru, pensyarah atau anggota kumpulan pelaksana yang keluar masuk ke sekolah disaran untuk melakukan ujian pengesanan COVID-19 secara berkala dan melaporkan gejala termasuk pengasingan awal.

"Sistem untuk mengenal pasti pelajar bergejala dengan cepat perlu dipertingkatkan seperti melalui ketua kelas atau ketua asrama," katanya.

☁ Terdapat trend penurunan pada ME 5/2022 disebabkan cuti perayaan Tahun Baharu Cina, namun trend ini dilihat kembali meningkat pada ME 6/2022 dan ME 7/2022 dengan peningkatan kes ketara di seluruh negara ☁

Dr Noor Hisham Abdullah,  
Ketua Pengarah Kesihatan



**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 9**  
**RUANGAN : NASIONAL**

Penularan COVID-19

# Muat naik keputusan ujian di MySejahtera

**Pengguna perlu menunjukkan gambar untuk laporan status sendiri jangkitan**

Oleh Faris Fuad  
 faris.fuad@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pengguna aplikasi MySejahtera kini perlu memuat naik gambar keputusan ujian COVID-19 ketika mengemas kini status laporan sendiri jangkitan itu.

Gambar itu perlu menunjukkan di mana dan bila ujian COVID-19 dibuat, selain keputusan sama ada positif



Keputusan ujian saringan sendiri perlu di muat naik di aplikasi MySejahtera. (Foto hiasan)

atau negatif.

Sebelum ini, pengguna hanya perlu mengisi borang di aplikasi itu dengan mengesahkan sama ada positif, negatif atau ujian tidak sah selepas membuat ujian jangkitan berkenaan.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menasihatkan supaya ujian saringan sendiri dibuat sebelum merancang untuk berkumpul, berkunjung sempena cuti perayaan atau menyertai se-

barang acara awam.

Individu yang didapati menjadi kontak rapat dan belum lengkap vaksinasi, termasuk tiada suntikan dos penggalak perlu menjalani isolasi atau pengasingan untuk tempoh tujuh hari.

Bagi individu yang sudah menerima suntikan dos penggalak, mereka hanya perlu menjalani pengasingan selama lima hari sekiranya didapati menjadi kontak rapat.

## 43 lagi kematian akibat jangkitan

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 43 kematian baharu akibat COVID-19 dilaporkan kelmarin, dengan didahului Johor dan Selangor yang masing-masing merekodkan 10 kes.

Menurut maklumat dalam portal GitHub Kementerian Kesihatan (KKM), Kedah pula mencatat tujuh korban, diikuti Sabah (lima).

Seterusnya, Kelantan, Pahang dan Pulau Pinang (masing-masing dua), serta Melaka, Negeri Sembilan, Sarawak, Terengganu dan Kuala Lumpur (masing-masing satu).

Sementara itu, seramai 564,220 individu atau 15.9 peratus populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun menerima dos pertama vaksin COVID-19 melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids), setakat kelmarin.

Berdasarkan data dalam laman web COVIDNOW, seramai 14,078,456 individu (59.8 peratus) populasi dewasa pula menerima dos penggalak vaksin COVID-19.

Selain itu, seramai 22,945,040 (97.5 peratus) populasi itu sudah lengkap vaksinasi, manakala 23,222,810 (98.7 peratus) menerima sekurang-kurangnya satu dos.

Bagi populasi remaja berusia 12 hingga 17 tahun pula,

sejumlah 2,799,132 individu (90 peratus) telah lengkap imunisasi, manakala 2,886,655 (92.8 peratus) menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin COVID-19.

Sebanyak 137,307 dos vaksin diberikan, kelmarin, membabitkan 52,804 dos pertama, dos lengkap (1,024) dan dos penggalak (83,479).

Ia menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) kini meningkat kepada 66,289,382 dos.

Dalam pada itu, angka harian kes COVID-19 terus menurun dengan 25,099 jangkitan baharu dilaporkan, kelmarin, berbanding 26,832 pada hari sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jangkitan baharu itu membabitkan 25,014 penularan tempatan dan 85 kes import.

Perkembangan itu sekali gus menjadikan jumlah kumulatif jangkitan COVID-19 di negara ini meningkat kepada 3,246,779 kes.

"Jangkitan baharu itu meliputi 100 kes (0.4 peratus) dalam kategori tiga, empat dan lima, manakala 24,999 lagi (99.6 peratus) kategori satu serta dua," katanya dalam kenyataan, semalam.

## Pengisian katil PKRC empat negeri melebihi 50 peratus

**Dari Muka 1**

"Pengisian katil di Johor pula merekodkan 82 peratus, Putrajaya (79 peratus), Sarawak (76 peratus), Sabah (74 peratus), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (73 peratus), Pahang (58 peratus), Pulau Pinang (53 peratus) dan Terengganu (52 peratus)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, pengisian katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) pula menunjukkan empat negeri merekodkan peratusan melebihi 50 peratus.

Negeri terbabit ialah Selangor (68 peratus), Perak (60 peratus), Melaka (59 peratus) dan Sabah (58 peratus).

Beliau juga berkata, pesakit COVID-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilator) meningkat kepada 164 pesakit.

Peratusan penggunaan bantuan itu mencecah 37 peratus daripada keseluruhan ventilator untuk pesakit COVID-19 dan bukan COVID-19.

Beliau turut menjelaskan terdapat perbezaan di antara data harian kemasukan kes COVID-19 ke hospital berbanding kes jangkitan itu bagi kategori satu hingga lima yang baru didiagnosis pada setiap hari.

Katanya, ia memandangkan

keadaan klinikal pesakit yang dinamik dan mungkin merosot atau bertambah baik sepanjang dijangkiti COVID-19.

"Misalnya, ketika didiagnosis mungkin pesakit itu berada dalam kategori 2A dan diisolasi di rumah melalui Perintah Pengawasan dan Pemeliharaan di Rumah (HSO) digital, namun status kesihatan pesakit boleh merosot ke kategori tiga atau lebih yang memerlukan kemasukan ke hospital," katanya.

Mengenai kepentingan vaksinasi, Dr Noor Hisham berkata, mereka yang tidak divaksinasi paling berisiko dijangkiti COVID-19 dengan simptom serius, termasuk meninggal dunia tanpa mengambil kira faktor usia.

Katanya, ini berdasarkan data terkini dari tempoh 24 Januari lalu hingga kelmarin bagi kes COVID-19 kategori 3, 4 dan 5 dan kematian akibat jangkitan itu per 100,000 populasi yang menunjukkan kumpulan individu tidak divaksinasi paling berisiko untuk dijangkiti.

Katanya, pesakit kategori 4 serta 5 paling berisiko untuk mati akibat COVID-19 dan ia dapat dilihat bagi hampir setiap kumpulan umur.

"Kumpulan individu menerima vaksin COVID-19 dos penggalak adalah paling terlindung,

di mana dapat dilihat kurang kes dijangkiti COVID-19 yang serius (kategori 3, 4 dan 5)," katanya.

Katanya, kematian akibat COVID-19 juga kurang dalam kalangan penerima dos penggalak, berbanding kumpulan tidak divaksinasi dan lengkap divaksin, tetapi tidak lengkap dos penggalak.

"Vaksin dos penggalak dapat memberi perlindungan yang terbaik daripada kematian dan gejala serius COVID-19," katanya.

Setakat kelmarin 14,078,456 dos diberikan kepada individu dewasa atau 59.8 peratus penduduk dewasa di negara ini menerusi Program Imunisasi COVID-19 Dos Penggalak (PICK-B) yang dimulakan 1 Oktober tahun lalu.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, kadar kebolehan jangkitan atau R-naught (Rt) COVID-19 di negara ini direkodkan 1.19 berdasarkan jumlah kes COVID-19 dilaporkan kelmarin.

Kadar Rt paling tinggi dilaporkan di Labuan iaitu 1.60 diikuti Sarawak (1.41), Sabah (1.35), Terengganu (1.33), Pulau Pinang (1.31) dan masing-masing 1.29 di Selangor dan Pahang.

"Ia disusuli Kelantan (1.28), Kedah (1.27), Perlis (1.26), Negeri Sembilan (1.25), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1.23), Johor (1.21), Putrajaya (1.19), Melaka (1.17) dan Perak (1.15)," katanya.



Seorang kanak-kanak menerima suntikan vaksin sempena PICKids di PPV Sekolah Kebangsaan Saujana Indah, Nibong Tebal, semalam. (Foto Danial Saad/BH)

## Hishammuddin disahkan positif

**Kuala Lumpur:** Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein disahkan positif COVID-19.

Pejabat Menteri Kanan Pertahanan dalam satu kenyataan semalam, memaklumkan Hishammuddin yang sudah menerima dos penggalak akan menjalani tempoh isolasi mengikut ketetapan semasa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Beliau sememangnya menjalani ujian pengesanan COVID-19 jenis RT-PCR secara berkala, selain turut kerap melakukan ujian pengesanan secara sendiri melalui kaedah RTK Antigen."

"Kali terakhir beliau menjalani ujian pengesanan RT-PCR dan mendapat keputusan negatif COVID-19 ialah pada 18 Februari lalu," kata kenyataan berkenaan.

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 13  
RUANGAN : MINDA PEMBACA

# Selesai segera isu hartal doktor kontrak

Jufitri Joha,  
Presiden Majlis  
Belia Malaysia

**Hartal doktor kontrak** antara isu yang hangat diperkatakan dan diperdebatkan di ruang awam serta media sosial kebelakangan ini.

Ia menghantui doktor muda berstatus kontrak di sebalik ketekunan mereka untuk berkhidmat dengan penuh semangat walaupun dihimpit tugas berat dan tekanan.

Dalam hal ini, bukan imbuhan kewangan yang terlalu diutamakan, namun status tetap dalam perkhidmatan itu sebenarnya sangat membantu mereka untuk memberikan perkhidmatan terbaik.

Hal berkenaan dikupas pada kesempatan dialog antara Majlis Belia Malaysia (MBM) dengan kumpulan doktor muda ini bagi menyelami kehidupan dan permasalahan mereka.

Terdapat perbezaan ketara manfaat yang diterima oleh doktor kontrak dengan berstatus tetap walaupun beban kerja sama.

Antaranya adalah kemudahan cuti yang mana ia sangat memberi motivasi untuk terus berkhidmat.

Bagi doktor muda yang berstatus tetap pula mereka mengharapkan elaan tambahan sebagai pengalok motivasi.

Jangan nafikan atau mengambil sikap sambil lewa terhadap imbuhan kewangan, apatah lagi dalam tuntutan kita terhadap mereka.

Kita selalu ingat untuk membantu orang ramai yang memerlukan, namun kita sering lupa membantu individu yang membantu itu.

Secara peribadi saya sangat empati dan menghargai sumbangan juga pengorbanan doktor ini dalam peperangan kita menentang COVID-19.

Mereka berkorban sehingga ada yang mengalami tekanan mental dan meninggalkan profesion ini.

Mereka adalah aset negara yang dibazirkan apatah lagi jika alasan berhenti adalah status kerja yang kekal kontrak, sementara jalan di hadapan untuk menjadi doktor pakar terasa susah dan disempitkan.

Sedangkan kita memerlukan kumpulan profesional ini selari dengan peningkatan populasi dan fenomena masyarakat supra tua menjelang 2030.

Hasil dialog MBM dengan kumpulan doktor muda ini ada beberapa hal yang boleh dibaiki Kementerian Kesihatan (KKM).

Antaranya memperbaiki kecekapan dan kebolehsandaran sistem aduan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA) KKM; isu peluang latihan *houseman* yang terhad disebabkan bilangan hospital kurang; penswastan bidang kesihatan; kawalan kualiti graduan perubatan dan kedokteran selain memperbaiki polisi kerajaan yang kerap bertukar dan bertindih setiap kali perubahan tampuk pemerintahan berlaku.

Secara kesimpulan kumpulan doktor muda ini mahukan kehidupan peribadi dan pekerjaan yang seimbang, selain kebajikan mereka terjaga begitu juga pengembangan kerjaya menerusi peluang menyambung pelajaran.

## Tingkat disiplin rakyat bendung COVID-19

Dr Mohd Rahim  
Khamis  
UiTM Puncak  
Alam, Kampus  
Selangor

**Senario** terkini COVID-19 dalam negara menunjukkan peningkatan jangkitan amat ketara yang melonjak melebihi 20,000 kes sehari.

Perkembangan berkenaan amat membimbangkan banyak pihak kerana khuatir jika sekatan dilaksanakan semula seperti sebelum ini dalam usaha membendung penularan virus.

Namun kerajaan sudah memberi jaminan tidak akan melaksanakan sekatan pergerakan seperti sebelum ini, sebaliknya mengetatkan lagi prosedur operasi standard (SOP).

Mengikut SOP sedia ada sebelum ini apabila ada yang menjadi kontak rapat dengan individu positif COVID-19, mereka diwajibkan menjalani kuarantin sendiri bagi sesuatu tempoh ditetapkan.

Ini bagi mengesan sebarang gejala sekiranya dijangkiti. Jika dalam tempoh isolasi tiada gejala muncul maka individu terbahit bebas daripada COVID-19. Sepanjang berdepan dengan isu COVID-19, inilah SOP yang diguna pakai.

Bagaimanapun, 17 Februari lalu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin mengumumkan satu perubahan protokol berkaitan isolasi bagi mereka yang menjadi kontak rapat. Ini merujuk kepada tiada kuarantin dikenakan kepada mereka jika tidak bergejala.

Mereka sebaliknya hanya perlu melakukan ujian saringan pada hari tertentu. Protokol ini dilaksanakan dalam sektor perkhidmatan kesihatan awam.

Pengumuman itu sudah pasti menimbulkan pelbagai reaksi dan maklum balas orang ramai.

Ada yang gusar dengan pengumuman itu, tetapi ada pula berpendapat sudah sampai masa pembaharuan dilaksanakan demi persediaan peralihan ke fasa endemik.

Kegusaran yang timbul mungkin disebabkan masyarakat melihat apakah dengan perubahan protokol itu, ia mampu mengawal penularan COVID-19?

Justeru, situasi ini memerlukan satu tahap disiplin yang tinggi dalam masyarakat untuk mengawal penularan COVID-19 terutama virus Omicron.

Negara pernah melalui satu fasa dengan kes menjadi amat tinggi akibat masyarakat kurang berdisiplin mematuhi SOP.

Oleh itu, tahap pematuhan disiplin yang tinggi dalam masyarakat amat ditagih apabila perubahan protokol ini bakal dilaksanakan.

Tanpa disiplin yang tinggi, bagaimana kita dapat menjaga diri sendiri dan orang terdekat daripada terdedah virus ini.

Seandainya tiada disiplin yang tinggi dalam kalangan masyarakat, sudah tentu protokol baharu juga sukar dipatuhi kerana pengalaman dan rekod menunjukkan rakyat tetap gagal mematuhi SOP ditetapkan.

Justeru, rakyat perlu peka terhadap perubahan protokol bagi memastikan diri dan orang sekeliling berada dalam keadaan selamat, sihat dan terhindar jangkitan COVID-19.



Orang ramai digesa terus berdisiplin dalam mematuhi SOP tidak kira di mana berada bagi mengekang penularan COVID-19.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : COVID-19

## REMAJA MENINGGAL DUNIA

# Tunggu laporan forensik

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih belum menerima laporan penuh forensik dan patologi berhubung kematian remaja berumur 13 tahun yang didakwa meninggal dunia selepas 18 hari menerima vaksinasi Covid-19.

Ketua Pengarah KKM Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam catatan di akaun Twitter berkata, ketika ini Jabatan Kesihatan Negeri Selangor sedang bekerjasama rapat dengan pasukan klinis dan forensik dalam siasatan itu.

"Saya masih belum menerima laporan penuh forensik dan patologi,"

katanya.

Dr Noor Hisham berkata, KKM merakamkan ucapan takziah kepada ibu bapa serta anggota keluarga remaja itu.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin menerusi akaun

"Saya masih belum menerima laporan penuh forensik dan patologi"  
Dr Noor Hisham

Twitternya turut menyampaikan ucapan takziah kepada ibu bapa remaja itu dan meminta Dr Noor Hisham mengeluarkan kenyataan mengenai perkara itu secepat mungkin.

Sebelum ini media melaporkan bahawa ibu bapa remaja itu meminta supaya satu siasatan dijalankan bagi mencari punca kematian remaja berkenaan.

## Suntikan kumulatif meningkat 66,289,382

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 564,220 individu atau 15.9 peratus populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di Malaysia menerima dos pertama vaksin Covid-19 melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman web COVIDNOW, sejumlah 14,078,456 atau 59.8 peratus populasi dewasa di dalam negara pula menerima dos penggalak Covid-19 dan seramai 22,945,040 atau 97.5 peratus

lengkap vaksinasi manakala 23,222,810 atau 98.7 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun, sejumlah 2,799,132 individu atau 90 peratus daripada kumpulan itu sudah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 2,886,655 atau 92.8 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sebanyak 137,307 dos suntikan vaksin diberikan kelmarin melibatkan 52,804 suntikan dos pertama, 1,024 suntikan dos lengkap dan

## » INFO

Sejumlah 14,078,456 atau 59.8 peratus populasi dewasa di dalam negara sudah menerima dos penggalak Covid-19 dan seramai 22,945,040 atau 97.5 peratus lengkap vaksinasi

83,479 suntikan dos penggalak menjadikan jumlah kumulatif vaksin bagi Program Imunisasi Covid-19 Ke-

bangsaan (Pick) kini meningkat kepada 66,289,382.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), 43 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin dengan Johor dan Selangor masing-masing melaporkan 10 kes, diikuti Kedah tujuh kes, Sabah (lima), masing-masing dua kes di Kelantan, Pahang dan Pulau Pinang manakala satu kes masing-masing di Melaka, Negeri Sembilan, Sarawak, Terengganu dan Kuala Lumpur.



Beri sokongan

SEORANG ibu kelihatan sedang menenangkan anaknya sebelum menjalani suntikan vaksin semasa Program Imunisasi Covid-19 Kanak-Kanak (PICKids) di PPR Padang Hiliran, Kuala Terengganu, semalam. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

**Kota Kinabalu:** Hanya kira-kira 14 peratus penduduk Sabah mengambil vaksin dos penggalak setakat kelmarin, kata Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri Datuk Masidi Manjun.

Menyifatkan peratusan itu terlalu rendah Masidi mengajak orang ramai agar segera mendapatkan dos penggalak di klinik-klinik kesihatan terdekat dan di pusat pemberian vaksin dos penggalak yang akan dibuka di seluruh negeri Sabah kelak.

"Orang ramai adalah digalakkan untuk mendapatkan dos penggalak kerana sudah terbukti dapat me-

## Dos penggalak kurang dapat sambutan di Sabah

ngurangkan gejala teruk malah mengurangkan risiko kematian akibat jangkitan Covid-19," katanya, kelmarin.

Masidi yang juga jurucakap rasmi Covid-19 negeri berkata berdasarkan data, daripada 44 individu yang meninggal dunia di luar hospital akibat Covid-19 antara 1 Januari hingga 17 Februari lepas di Sabah, 42 daripadanya belum mene-

rima dos penggalak dan dua lagi telah menerima dos

itu.

Sementara itu, Masidi berkata 99.69 peratus daripada 4,755 kes harian

Covid-19 kelmarin adalah daripada Kategori Satu dan Dua manakala Kategori Tiga lapan kes, Kategori Empat (enam), Kategori Lima (satu).



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

# 17,749 pesakit sembuh

Kes positif Covid-19 turun 25,099 berbanding 26,832 kes sebelumnya

Oleh Ekhwani Haque  
Fazlul Haque  
ekhwani@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kes positif Covid-19 kelmariin merekodkan penurunan kepada 25,099 kes berbanding 26,832 kes sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu menjadikan kes kumulatif jangkitan wabak itu sebanyak 3,246,779 kes setakat ini.

Menurutnya, sebanyak 17,749 kes sembuh direkodkan kelmariin menjadikan kes sembuh keseluruhan 2,955,404.

"Kes yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) sebanyak 272 kes dengan 104 kes disahkan Covid-19 manakala 168 kes disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan.



Kes memerlukan bantuan pernafasan pula sebanyak 164 kes dengan 60 kes disahkan Covid-19 dan 104 kes disyaki, kemungkinan serta kes dalam siasatan," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham Abdullah

"Kes memerlukan bantuan pernafasan pula sebanyak 164 kes dengan 60 kes disahkan Covid-19 dan 104 kes disyaki, kemungkinan serta kes dalam siasatan," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, daripada 25,099 kes harian kelmariin, sebanyak 100 kes adalah kategori tiga hingga lima manakala 24,999 kes lagi terdiri daripada kategori



NAUFAL Afkar Zulkifli, 6, antara penerima suntikan vaksin pada Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) di Dewan Seri Selinsing, Gunung Semangol, semalam.

satu dan dua.

Katanya, secara keseluruhan, setiap negeri sudah bersiap siaga dengan pelan tindak balas cepat sekiranya berlaku peningkatan kes yang memerlukan kemasukan ke Pusat Kuarantin Risiko Rendah Covid-19 (PKRC), hospital dan ICU.

Katanya, kelmariin, kes Covid-19 yang dimasukkan ke hospital adalah 1,510 kes de-

ngan 578 kes adalah kategori tiga hingga lima manakala 932 kes lagi adalah terdiri daripada kategori satu dan dua.

"Pada Minggu Epidemiologi (ME) 7/2022, terdapat 118 kluster dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) berbanding 97 kluster pada ME 6/2022 dengan peningkatan

sebanyak 21.6 peratus berbanding ME sebelumnya.

"Kluster Pendidikan meningkat daripada 61 kluster pada ME 6/2022 kepada 92 kluster pada ME 7/2022 dan Kluster Pusat Tahanan meningkat tiga kluster berbanding sifar kluster pada minggu sebelumnya," katanya.

Katanya, trend mingguan kluster pendidikan menurun

jukkan peningkatan yang ketara daripada ME 1/2022 hingga ME 7/2022.

Beliau berkata, trend penurunan direkodkan pada ME 5/2022 disebabkan cuti perayaan Tahun Baru Cina namun trend ini dilihat kembali meningkat pada ME 6/2022 dan ME 7/2022 seiring dengan peningkatan kes yang ketara di seluruh negara.

## Kepatuhan kepada prosedur pencegahan penyakit tidak optimum

Kuala Lumpur: Peningkatan bilangan kes Covid-19, kemasukan ke hospital dan Unit Rawatan Rapi (ICU) serta kes kematian mengundang kebimbangan kepada semua pihak.

Pakar Perubatan Kesihatan Keluarga, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Rosnah Sutan berkata, diakui juga bilangan mereka yang divaksin dan menerima dos penggalak juga semakin meningkat.

Namun, katanya, tingkah laku manusia untuk mematuhi penjagaan pencegahan kepada penyakit ini masih tidak optimum.

"Kesesakan dan berkumpul dalam satu ruang pada masa lama tanpa pengudaraan yang baik amat berpotensi mewujudkan jangkitan ini semula.

"Promosi kesihatan untuk mengingatkan pematuan kepada prosedur ope-



Agen penyakit iaitu virus Covid-19 mudah menyerang mereka yang lemah daya tahan (imuniti). Kalau kita tidak mempunyai imuniti yang kuat, cubalah menjauhi persekitaran sesak dan praktikkan cara hidup sihat, elakkan stress (tertekan), membuat saringan penyakit dan rawatan untuk kesihatan"

Dr Rosnah Sutan

rasi standard (SOP) meluas dan sering diutarakan di media namun kita boleh perhatikan berapa ramai

yang sentiasa memastikan tangan sentiasa bersih dan disanitasi, pemakaian pelitup muka yang sering ditukar untuk menjamin kebersihannya dan jarak di antara satu sama lain," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, dalam pencegahan penyakit, tiga perkara perlu diingatkan semula iaitu perumah (host), persekitaran dan agen penyakit (virus Covid-19 dan lain-lain).

Justeru, katanya, apa yang perlu semua pihak lakukan adalah pada diri dan persekitaran.

"Diri kita sebagai perumah (host) perlu dipastikan sihat dan cergas serta mempunyai daya tahan badan yang tinggi.

"Adakah kita sentiasa memastikan apa yang kita makan, dan adakah tingkah laku kita mendorong kepada peningkatan daya ta-

han diri?

"Agen penyakit iaitu virus Covid-19 mudah menyerang mereka yang lemah daya tahan (imuniti). Kalau kita tidak mempunyai imuniti yang kuat, cubalah menjauhi persekitaran sesak dan praktikkan cara hidup sihat, elakkan stress (tertekan), membuat saringan penyakit dan rawatan untuk kesihatan," katanya.

Katanya, anak-anak dan kumpulan berisiko perlu dijaga dengan sebaiknya dalam mematuhi SOP, pemakanan dan kesihatan mereka.

"Ingat mengingati sesama kita supaya kita tidak berdepan lagi situasi yang memungkinkan arahan hambatan perintah kawalan pergerakan (PKP) jika sistem perkhidmatan kesihatan lumpuh semula di atas peningkatan kes luar kemampuan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : LOKAL



MUHYIDDIN (tengah) memimpin Mesyuarat MPN, semalam.

## UMUM PEMBUKAAN SEMPADAN NEGARA DALAM MASA TERDEKAT

# KKM perhalusi SOP

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
am@hmetro.com.my

Putrajaya

**P**rosedur operasi standard (SOP) pembukaan sempadan negara akan diumumkan dalam tempoh masa terdekat.

Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata,

ketika ini Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang menyediakan dan memperhalusi SOP sebelum ia diumumkan.

Beliau berkata, biarpun ketika ini ada peningkatan kes positif Covid-19 dan bilangan kemasukan ke wad hospital, strategi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (ICK) serta pemberian dos penggalak menunjuk-

kan keberkesanan dalam memberi perlindungan jangkitan lebih teruk.

"MPN juga mendengar pembentangan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin mengenai situasi dan perkembangan terkini Covid-19.

"Majlis juga mengambil maklum pihak KKM dalam proses akhir memuktamadkan SOP bagi pembukaan

sempadan negara untuk persetujuan Jemaah Menteri.

"Pengumuman pembukaan sempadan akan dibuat dalam masa terdekat," katanya selepas memimpin mesyuarat MPN di sini, semalam.

Muhyiddin berharap SOP itu akan lebih mudah dan longgar supaya ia tidak membawa kesan kepada pembukaan sempadan.

## Vaksin penggalak tunjuk keberkesanan

**Kuala Lumpur:** Keberkesanan dos vaksin penggalak dilihat mampu mengurangkan peningkatan kes jangkitan Covid-19 di Malaysia yang dicetuskan gelombang varian Omicron ketika ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, data terkini dari empat minggu lalu iaitu dari 24 Januari hingga 21 Februari, menunjukkan kumpulan individu tidak divaksin yang paling berisiko dijangkiti Covid-19 serius terutama kategori empat dan lima bagi semua kumpulan umur.

"Perkara ini dibuktikan dengan kes Covid-19 per 100,000 populasi mengikut status vaksinasi meningkat 10 hingga 80 kes direkodkan untuk kategori (3,4 dan 5) bagi semua kumpulan umur.

"Kumpulan individu yang menerima dos penggalak adalah paling terlindung, apabila bawah 20 kes dilaporkan dan dilihat kurang kes jangkitan serius iaitu kategori 3,4 serta 5 dan juga kes kematian," katanya dalam kenyataan, semalam.

Setakat ini sejumlah 14,078,456 atau 59.8 peratus

dos penggalak diberikan kepada individu dewasa dalam Program Imunisasi Covid-19 Dos Penggalak (Pick-B) sejak 1 Oktober 2021 hingga kelmarin.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, kadar penggunaan katil Unit Rawatan Rapi (ICU) hospital di Johor, Kelantan, Kuala Lumpur dan Melaka menunjukkan peningkatan lebih 50 peratus.

"Johor mencatatkan peningkatan 70 peratus, Kelantan 61 peratus, Kuala Lumpur 58 peratus dan Melaka 54 peratus.

"Selain itu sejumlah 25,099 kes baharu Covid-19 dilaporkan semalam (kelmarin) menjadikan kes kumulatif kepada 3,246,779 dan daripada jumlah kes baharu itu, 25,014 kes tempatan serta 85 kes import," katanya.

Beliau berkata, sejumlah 100 daripada kes baharu adalah kategori 3, 4, dan 5 manakala 24,499 terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Bagi kes sembuh pula 17,749 kes dilaporkan kelmarin menjadikan kes kumulatif sembuh di negara ini 2,955,404, katanya. - Bernama

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

## Kumpulan tak ambil vaksin paling berisiko parah

**PUTRAJAYA** – Kumpulan individu yang tidak divaksinasi adalah paling berisiko dijangkiti Covid-19 dan gejala serius terutama pada kategori 4 dan 5 selain paling berisiko meninggal dunia akibat jangkitan itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kumpulan individu yang telah menerima vaksin dos penggalak adalah paling terlindung iaitu dapat dilihat kurang kes dijangkiti Covid-19 serius pada kategori 3, 4 dan 5.

Katanya, kematian akibat Covid-19 dalam kalangan penerima dos penggalak juga kurang berbanding kumpulan yang tidak divaksin dan kumpulan lengkap divaksin tetapi tidak lengkap dos penggalak.

"Dos penggalak dapat memberi perlindungan terbaik daripada kematian dan gejala serius Covid-19. Oleh itu Kementerian Kesihatan (KKM) menyeru semua individu dewasa berkelayakan, namun belum menerima dos penggalak untuk segera mendapatkannya



**DERETAN** kenderaan yang menunggu giliran untuk melakukan ujian saringan Covid-19 secara pandu lalu di Megaklinik Zahran, Bandar Baru Bangi semalam. – MUHAMMAD IQBAL ROSLI

di pusat pemberian vaksin (PPV) terdekat secara walk-in."

"Semak PPV di <https://vaksin-covid.protectthehealth.com.my/jfind>. Bagi yang telah mendaftar, KKM memohon agar anda hadir ke slot janji temu tersebut," katanya

dalam kenyataan semalam.

Ujarnya lagi, Program Imunisasi Covid-19 Dos Penggalak (PICK-B) telah dimulakan sejak 1 Oktober lalu dan sehingga kelmarin, 14,078,456 dos telah diberi kepada individu dewasa yang layak

meliputi 59.8 peratus daripada penduduk dewasa di Malaysia.

Sementara itu, beliau berkata, Kelantan melaporkan kluster pendidikan paling tinggi dengan 54 kluster atau 14.71 peratus daripada 367 kluster pendidikan yang dilaporkan bermula 1 Januari sehingga 19 Februari lalu.

"Ia diikuti oleh Selangor (49 kluster), Pahang (38 kluster), Kuala Lumpur (37 kluster) dan Sabah (34 kluster). Daripada jumlah 367 kluster pendidikan tersebut, siasatan mendapati 328 kluster (89.4 peratus) dengan kes indeks merupakan pelajar, manakala 31 kluster (8.5 peratus) dengan kes indeks merupakan guru atau pensyarah.

"Sebanyak enam kluster (1.6 peratus) dengan kes indeks daripada kalangan kakitangan sokongan pusat pendidikan dan baki dua kluster (0.6 peratus) dengan keluarga sebagai kes indeks.

"Majoriti kes yang dilaporkan adalah kategori gejala ringan atau tiada gejala. Sebanyak 12,579 kes (76.4 peratus) adalah kategori

2, 3,850 kes (23.4 peratus) kategori 1 dan 35 kes (0.2 peratus) kategori 3 dan 4, manakala semua kes telah mendapatkan rawatan dan stabil," katanya.

Beliau berkata, peringkat sekolah menengah melaporkan kluster paling tinggi iaitu sebanyak 232 kluster, diikuti kolej (68 kluster), sekolah rendah (25 kluster), universiti (22 kluster) dan prasekolah (20 kluster).

Ujarnya lagi, kesemua 257 sekolah yang terlibat adalah daripada pelbagai agensi iaitu Kementerian Pendidikan, Majlis Amanah Rakyat (Mara), maahad tahfiz dan lain-lain.

"Sehingga 19 Februari, sebanyak 232 kluster melibatkan sekolah menengah dan 25 kluster melibatkan sekolah rendah yang masih aktif. Daripada jumlah tersebut, 107 sekolah (42.3 peratus) telah ditutup sementara untuk pembersihan dan dijadikan tempat kuarantin, manakala 150 sekolah (58.4 peratus) hanya memerlukan penutupan kelas sahaja," jelasnya.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 10**  
**RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT**

## Buka sempadan: KKM di peringkat akhir muktamad SOP

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam proses akhir untuk memuktamadkan prosedur operasi standard (SOP) pembukaan sempadan negara.

Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, perkara itu dimaklumkan oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dalam pembentangan pada mesyuarat MPN.

"SOP ini akan dikemukakan untuk persetujuan jemaah menteri dan diumumkan dalam masa terdekat," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MPN di sini pada Selasa.

Menurutnya, MPN mengambil maklum kerajaan pimpinan

an Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengambil kira pandangan pihak majlis supaya mempercepatkan pembukaan sempadan.

"Jangan lambat, lambat sehari kos kerugian yang ditanggung negara adalah amat besar, cepat buka, untung banyak," katanya.

Beliau berkata, Malaysia sebagai negara 10 terbaik dalam program vaksinasi Covid-19 seharusnya mengambil langkah segera membuka sempadan.

"Negara-negara lain contohnya Australia telah membuka sempadan mereka sedangkan negara itu terkebelakang dari segi vaksinasi berbanding Malaysia," katanya.

Muhyiddin berkata, walaupun penularan Omicron me-



Muhyiddin (kanan) bergambar sebelum mempengerusikan Mesyuarat MPN di Putrajaya pada Selasa.

nyebabkan peningkatan kes yang tinggi, namun KKM telah memberi jaminan pihaknya mampu menguruskan kes berdasarkan kapasiti sedia ada.

"Soal Omicron, seluruh

negara menghadapi masalah dan kes serius tidak banyak hanya sekitar 0.3 peratus sahaja. Kapasiti unit rawatan rapi (ICU) juga tidak terkesan," katanya.

Sebelum ini, MPN menge-

syorkan pembukaan sempadan dilaksanakan pada 1 Mac lalu, bagaimanapun Ismail Sabri berkata, ia belum boleh dilaksanakan kerana memerlukan penelitian lanjut.

## Dos penggalak bukti perlindungan terbaik lawan gelombang Omicron

**KUALA LUMPUR** - Keberkesanan dos vaksin penggalak dilihat mampu mengurangkan peningkatan kes jangkitan Covid-19 di Malaysia yang dicetuskan oleh gelombang varian Omicron ketika ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, data terkini dari empat minggu lepas iaitu dari 24 Januari hingga 21 Februari, menunjukkan kumpulan individu tidak divaksin adalah yang paling berisiko dijangkiti Covid-19 yang serius terutama kategori empat dan lima bagi semua kumpulan umur.

"Perkara ini dibuktikan dengan kes Covid-19 per 100,000 populasi mengikut status vaksinasi meningkat kira-kira 10 hingga 80 kes direkodkan untuk kategori (3, 4 dan 5) bagi semua kumpulan umur.

"Kumpulan individu yang menerima dos penggalak adalah paling terlindung, apabila bawah 20 kes dilaporkan dan di-

lihat kurang kes jangkitan yang serius iaitu kategori 3, 4, dan 5 dan juga kes kematian," katanya dalam kenyataan.

Setakat ini sejumlah 14,078,456 atau 59.8 peratus dos penggalak diberikan kepada golongan individu dewasa dalam Program Imunisasi Covid-19 Dos Penggalak (PICK-B) sejak 1 Oktober 2021 hingga Isnin lalu.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, kadar penggunaan katil Unit Rawatan Rapi (ICU) hospital di Johor, Kelantan, Kuala Lumpur dan Melaka menunjukkan pengisian lebih 50 peratus.

"Penggunaan katil ICU di Johor pada 70 peratus diikuti Kelantan (61 peratus), Kuala Lumpur (58 peratus), dan Melaka (54 peratus)," katanya.

"Selain itu sejumlah 25,099 kes baharu Covid-19 dilaporkan semalam (Isnin) menjadikan kes kumulatif kepada 3,246,779," jelasnya.

- Bernama



Kumpulan individu yang menerima dos penggalak adalah paling terlindung, apabila bawah 20 kes dilaporkan dan dilihat kurang kes jangkitan yang serius.

## Kluster pendidikan meningkat

Setakat ini CPRC mencatatkan 367 kluster pendidikan sejak 1 Januari hingga 19 Februari lepas

**KUALA LUMPUR**

Jumlah kluster pendidikan Covid-19 dilihat meningkat dengan ketara pada Minggu Epidemiologi (ME) terkini, dengan 92 kluster dilaporkan pada ME 7/2022 berbanding 61 kluster pada ME 6/2022.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, setakat ini Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) mencatatkan 367 kluster pendidikan sejak 1 Januari hingga 19 Februari lepas dan daripada jumlah itu, 346 kluster masih aktif manakala 21 kluster telah tamat.

Beliau berkata, walaupun terdapat trend penurunan kluster pendidikan pada ME 5/2022 disebabkan cuti sambutan Tahun Baharu Cina, namun trend ini dilihat kembali meningkat pada ME 6/2022 dan ME 7/2022 berkadar dengan peningkatan kes yang ketara di seluruh negara.

Katanya, negeri yang merekodkan kluster pendidikan paling tinggi ialah Kelantan (54 kluster), diikuti Selangor (49 kluster), Pahang (38 kluster), Kuala Lumpur (37 kluster), dan Sabah (34 kluster).

"Siasatan mendapati 328 kluster iaitu 89.4 peratus dengan kes indeks merupakan pelajar, manakala 31 kluster (8.5 peratus) merupakan kes indeks guru atau pensyarah. Selain itu, enam klu-



DR NOOR HISHAM

ster (1.6 peratus) dengan kes indeks daripada kalangan kakitangan sokongan pusat pendidikan berkenaan, dan dua kluster (0.6 peratus) dengan keluarga sebagai kes indeks," jelas beliau.

Katanya, majoriti kes yang dilaporkan adalah kategori bergejala ringan atau tiada gejala.

"Sebanyak 12,579 kes (76.54 peratus) kategori dua, 3,850 kes (23.4 peratus) kategori satu dan 35 kes (0.2 peratus) dari kategori tiga dan empat dan kes semua kes telah mendapatkan rawatan serta dalam keadaan stabil.

"Kesemua 257 sekolah yang terlibat adalah daripada pelbagai agensi iaitu Kementerian Pendidikan, Majlis Amanah Rakyat (Mara), Maahad Tahfiz dan lain-lain," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga 19 Februari lepas, 232 kluster membabitkan sekolah menengah dan 25 kluster sekolah rendah masih aktif.

"Daripada jumlah tersebut 107 sekolah telah tutup sementara untuk pembersihan dan dijadikan tempat kuarantin, dan 150 sekolah hanya memerlukan penutupan kelas sahaja.

"Hasil siasatan mendapati punca utama berlakunya jangkitan dan penularan Covid-19 disebabkan beberapa faktor. Antaranya ketidakpatuhan pada SOP pergerakan pelajar yang bebas dan pergaulan rapat semasa pelajar di asrama serta beberapa faktor lain," katanya.

Beliau mencadangkan sebagai penambahbaikan, semua yang terlibat dalam kumpulan ini melakukan ujian pengesanan Covid-19 secara berkala, mengenal pasti pelajar bergejala dengan cepat serta memastikan pengudaraan di semua kawasan berada dalam keadaan yang optimum. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 11  
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

## 564,220 kanak-kanak sudah divaksin

Jumlah itu merupakan 15.9 peratus daripada empat juta jumlah keseluruhan kanak-kanak di Malaysia

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

NIBONG TEBAL

Seramai 564,220 kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun telah menerima suntikan vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) sehingga Isnin.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, jumlah itu merupakan 15.9 peratus daripada empat juta jumlah keseluruhan kanak-kanak di negara ini.

Menurutnya, sasaran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah mencapai sehingga 70 peratus daripada empat juta kanak-kanak dalam tempoh dua bulan daripada program ini bermula.

"Sejak semalam (Isnin), kita sudah mencapai 50,000 pemberian suntikan dalam sehari. KKM berharap sasaran untuk mencapai 80 peratus iaitu 3.6 juta kanak-kanak divaksin akan tercapai.

"Sehingga semalam (Isnin) juga, daripada lebih setengah juta kanak-kanak yang diberikan vaksin dos pertama, hanya satu kes dilaporkan mengalami simptom serius manakala 57 laporan lagi hanya mengalami gejala ringan," katanya pada sidang akhbar di sini pada Selasa.

Mengulas lanjut mengenai 57 laporan yang diterima daripada aplikasi MySejahtera berhubung Kesan Buruk Sushulan Imunisasi



Dr Noor Azmi memberi suntikan vaksin Covid-19 kepada Nur Adib Darwis Nordin, 11, di PPV PICKids Sekolah Kebangsaan Saujana, Nibong Tebal pada Selasa.

(AEFI), Dr Noor Azmi berkata, ia hanya melibatkan gejala ringan antaranya demam, pening, lenguh, sakit di tempat cucuk dan bengkak.

"Gejala yang ditunjukkan adalah biasa yang tidak membimbangkan kerana ia akan dirasai dalam tempoh sehari sehingga dua hari sahaja.

"Sementara satu kes yang ditakrifkan sebagai serius pula, kanak-kanak tersebut mengalami asma. Semakan mendapati, kanak-kanak itu memang menghidap penyakit asma sebelum ini dan dikatakan diserang asma selepas divaksin.

"Pihak hospital telah memberi rawatan dan kanak-kanak itu sembuh lalu dibenarkan pulang," jelasnya.

Menurutnya, mengikut data yang diterima, Sarawak adalah negeri tertinggi dalam pemberian vaksin kepada kanak-kanak.

"Sementara itu, tiga negeri mencatatkan di bawah 10 peratus iaitu

Kelantan, Terengganu dan Sabah," katanya.

Dr Noor Azmi berkata, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) merekodkan antara 31 hingga 74 peratus pemberian vaksin untuk kanak-kanak berbanding Sekolah Kebangsaan (SK) iaitu antara 5.9 hingga 21.9 peratus.

Katanya, data menunjukkan sehingga tahun lalu, seramai 278,000 kanak-kanak dijangkiti Covid-19 dan 63 daripadanya meninggal dunia.

"Ibu bapa diminta tidak mendengar berita palsu sehingga takut untuk membawa anak-anak menerima vaksin. Jangan dengar berita palsu daripada mereka yang bukannya pakar dan tidak pasti.

"Apa yang dilakukan kerajaan adalah untuk melindungi kanak-kanak daripada mengalami jangkitan teruk," kata beliau.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 1  
RUANGAN : MUKA HADAPAN

# 2.7 juta bakal luput status vaksinasi

Oleh MAISARAH  
SHEIKH RAHIM  
maisarahrahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Seramai 2.7 juta penerima vaksin primer Sinovac belum tampil mendapatkan dos penggalak yang akan menyebabkan status vaksinasi mereka bertukar putih, tidak lengkap serta berdepan beberapa sekatan ter-

tentu jika gagal berbuat demikian pada 1 Mac ini.

Setakat ini, tidak sampai sejuta atau lebih kurang 800,000 penerima dos primer berkenaan yang mengambil pelalian tambahan tersebut selepas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin memaklumkan status vaksinasi mereka tidak lengkap bermula awal bulan depan.

- Belum ambil dos penggalak, status jadi putih
- Tidak dapat kemudahan seperti orang lain

Selepas tarikh akhir tersebut, mereka yang gagal berbuat demikian juga berdepan risiko beberapa sekatan lain termasuk tidak akan dapat menikmati kemudahan-kemudahan seperti penerima lengkap lain, bergantung kepada ketetapan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

**Bersambung di muka 2**

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : DALAM NEGERI



DERETAN kenderaan menunggu giliran untuk melakukan ujian saringan Covid-19 secara pandu lalu di Megaklinik Zahran Bandar Baru Bangi, Selangor, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

## 2.7 juta bakal luput status vaksinasi

### Dari muka 1

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr. Chong Chee Kheong berkata, bagaimanapun pada masa ini sebanyak 72.9 peratus sudah mendapatkan dos penggalak berbanding 3.5 juta yang belum setakat 7 Februari lalu.

"Sebagaimana diumumkan sebelum ini, status vaksinasi mereka berubah kepada tidak lengkap (jika tidak menerima dos penggalak)," katanya.

Baru-baru ini, Khairy berkata, bermula 1 Mac ini, status lengkap vaksinasi semua warga emas berusia 60 tahun ke atas tanpa mengira jenis vaksin dan penerima vaksin Sinovac berusia 18 tahun berakhir sekiranya belum menerima dos penggalak.

Ini bermakna mereka yang belum menerima suntikan dos penggalak, status kuning (leng-

kap divaksinasi) bertukar putih sekali gus bakal dikenakan sekatan di pintu masuk.

Sementara itu, ditanya sama ada Kementerian Kesihatan bercadang melaksanakan tindakan sama iaitu dianggap vaksin tidak lengkap jika penerima vaksin primer jenis lain tidak mengambil dos penggalak, Chee Kheong berkata, pihaknya tidak bercadang berbuat demikian pada masa ini.

Ini kerana, katanya yang juga Pengerusi Bersama Pasukan Bertindak Pantas Covid-19 Kebangsaan, penerima vaksin primer Sinovac memerlukan dos penggalak kerana mereka mempunyai risiko lebih tinggi mendapat jangkitan Covid-19 atau breakthrough infection terutama kes-kes serius.

Menurut beliau, data kajian dalam dan luar negara menunjukkan penurunan tahap perlindungan terhadap jangkitan Covid-19 bagi penerima dos leng-

kap vaksin jenis Sinovac adalah lebih cepat berbanding penerima vaksin lengkap jenis lain.

Katanya, data kajian *Real-World Evaluation of Covid-19 Vaccines* di bawah PICK (RECoVAM) yang dijalankan Kementerian Kesihatan menunjukkan tahap perlindungan terhadap jangkitan wabak itu menurun sebanyak 48 peratus dalam tempoh tiga hingga lima bulan selepas mengambil dos lengkap.

"Selain daripada itu, dos penggalak boleh meningkatkan imuniti terhadap jangkitan Omicron kepada 70 peratus berbanding mereka yang tidak menerima dos penggalak.

"Justeru, kumpulan ini perlu mengambil dos penggalak untuk mengelakkan berlaku peningkatan semula kes, terutama kes serius yang memerlukan dimasukkan ke hospital sehingga menyebabkan sistem kesihatan negara terbeban," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : DALAM NEGERI

## Melayu terendah ambil dos penggalak

**PUTRAJAYA:** Hanya 51.2 peratus dalam kalangan orang Melayu berkecenderungan tampil mendapatkan dos penggalak Covid-19 sekali gus menjadikan kumpulan terendah berbanding kaum lain.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr. Chong Chee Kheong berkata, masyarakat Cina tertinggi dengan 86.2 peratus mengambil dos tambahan itu diikuti India 61.6 peratus.

Malah, menurut beliau, bukan warganegara lebih menyambut baik apabila direkodkan 100 peratus yang layak mengambil dos penggalak.

"Ini mungkin disebabkan ada dalam kalangan mereka (Melayu) mudah terpengaruh dengan maklumat-maklumat salah dalam media sosial khususnya berkenaan dos penggalak," katanya di sini semalam.

Kata Chee Kheong, berdasarkan soal selidik bertajuk 'Persepsi terhadap pengambilan Dos Penggalak dalam kalangan populasi Malaysia (Inception-B)' dijalankan Institut Penyelidikan Klinikal pada 15 hingga 26 Oktober tahun lalu, hanya 48.8 peratus menyatakan mendapat maklumat mencukupi berhubung dos penggalak.

Atas dasar itulah, beliau yang juga Pengerusi Bersama Pasukan Bertindak Pantas Covid-19 Kebangsaan berkata, Jawa-



**KEMENTERIAN Kesihatan mendedahkan hanya 51.2 peratus kaum Melayu mengambil dos penggalak manakala kaum Cina 86.2 peratus dan diikuti kaum India 61.6 peratus.**

tankuasa Strategi Komunikasi PICK-Booster diwujudkan khusus untuk memperkukuh penyampaian mesej berkaitan dos penggalak kepada orang awam.

Jelas beliau, hasil kajian sama juga mendapati, sebanyak 76.2 peratus responden bersetuju mengambil dos penggalak dan daripada jumlah tersebut, hanya 39.9 peratus bersetuju mengambil dos penggalak daripada jenis berlainan (heterologous) dengan dos primer.

"Ini membuktikan bahawa kadar penerimaan dos penggalak bagi vaksin Covid-19 adalah baik, tetapi majoriti memilih mengambil dos penggalak daripada jenis yang sama (homologous) dengan dos primer.

"Ini mungkin menyebabkan kadar rendah kedatangan bagi dos penggalak kerana pada masa tersebut, hanya vaksin Comirnaty keluaran Pfizer-BioNTech yang diluluskan pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sebagai

dos penggalak," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, tiada keperluan untuk seseorang menilai tahap imun sebelum mendapatkan dos penggalak sebagai saranan pelbagai pihak.

Katanya, buat masa ini ujian serologi untuk menentukan tahap imun seseorang hanya digunakan di dalam penyelidikan dan belum digunakan secara meluas dalam kalangan orang ramai.

**AKHBAR : NEW STRAITS TIMES**  
**MUKA SURAT : 3**  
**RUANGAN : STORY OF THE DAY / NEWS**

## OMICRON WAVE

# 'GET VACCINE, BOOSTER DOSE'

Low hospitalisation, death rates due to high vaccination uptake, says MMA president

FARAH SOLHI  
 KUALA LUMPUR  
 news@nst.com.my

**T**HE Malaysian Medical Association (MMA) has reminded the public to get vaccinated and go for their booster shot to ensure maximum protection against Covid-19.

MMA president Dr Koh Kar

Chai said people could still contract the coronavirus and suffer from long Covid-19, although most cases at present were mildly symptomatic and asymptomatic.

"Those who are still unvaccinated should not delay it any further, as the Omicron Covid-19 variant is spreading quickly within the community, as compared with earlier variants."

"As we transition into an endemic state, people need to be reminded that the low rates of hospitalisations and deaths are largely due to the high uptake of

vaccinations.

"Statistics have also shown the benefits of getting booster shots," he said yesterday.



Dr Koh Kar Chai

Dr Koh said people who have yet to receive their booster shots, especially those with comorbidities and aged 60 and above, were at risk of contracting and developing severe Covid-19.

"Don't add yourself to the daily rate of severe Covid-19 cases or even fatalities."

He said the government had made available different types of vaccines for the people, with Pfizer-BioNTech's Com-

inarty vaccine being the most accessible next to CoronaVac (Sinovac).

"However, the latter is not available at all vaccination centres," he said.

He advised the public to take any of the available vaccines instead of waiting.

"Don't sit on it, as we need to overcome the current wave of the Omicron variant."

"The variant is said to be mild. However, it can still overwhelm our healthcare system with disastrous consequences."

*Page 1 pic: A healthcare worker administering the Covid-19 vaccine to a girl at KPI Tawakkal Specialist Hospital in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY*

1,510 in hospitals due to Covid-19

**KUALA LUMPUR:** Malaysia reported an increase in Covid-19 hospitalisations to 1,510 on Monday, compared with 1,438 on Sunday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, however, said the majority, or 932 cases (61.7 per cent), were in categories 1 and 2, and 578 were in categories 3, 4 and 5.

He said intensive care units (ICUs) in three states and a federal territory had occupancy rates of more than 50 per cent, namely Johor (70 per cent), Kelantan (61 per cent), Kuala Lumpur (58 per cent) and Melaka (54 per cent).

The use of beds in normal wards in Perlis and Selangor exceeded capacity up to Monday at 109 and 101 per cent, respectively.

The non-ICU wards elsewhere also had occupancy rates of more than 50 per cent, namely Kelantan (100 per cent), Perak (97 per cent), Johor (82 per cent), Putrajaya (79 per cent), Sarawak (76 per cent), Sabah (74 per cent), Kuala Lumpur (73 per cent), Pahang (58 per cent) and Terengganu (52 per cent).

He said the bed use rate at Covid-19 quarantine and treatment centres in four states were more than 50 per cent, namely Selangor (68 per cent), Perak (60 per cent), Melaka (59 per cent) and Sabah (58 per cent).

"Covid-19 patients requiring ventilator support also increased to 164 from 139 cases on Sunday."

"The states are prepared with a rapid response plan should there be a surge in cases that require admissions," he said.

A total of 25,099 new cases were recorded on Monday, 100 of which were in categories 1, 2 and 3, he said.

Of the 100, 25 were unvaccinated or have yet to be fully vaccinated, 53 were fully vaccinated but have yet to receive a booster dose and 22 have received a booster dose.

The 100 comprised 47 people aged 60 and above, 52 with comorbidities and one pregnant woman.

Eighty-five were imported (48 Malaysians and 37 foreigners) cases and 25,014 were local transmissions.

A total of 272 cases were being treated in ICUs.

The national infectivity rate (Rt) stood at 1.19. Labuan had the highest Rt at 1.60, followed by Sarawak (1.41), Sabah (1.35), Terengganu (1.33), Penang (1.31) and Selangor (1.29).

## Asthma attack only serious case in PICKids

**NIBONG TEBAL:** Only one serious case of adverse events following immunisation (AEFI) has been reported among Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids) vaccine recipients up to Sunday.

In the same period, 57 non-serious AEFI cases were reported.

Up to Monday, 564,220 children, or 15.9 per cent, had been vaccinated under PICKids, which kicked off on Feb 3.

Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali said the sole serious AEFI case involved a child with asthma exacerbation.

Without going into specific details, he said the child already had asthma.

"After being administered with the Covid-19 vaccine, the child had an asthma attack. The child was treated at the hospital and discharged upon recovery. So, that was the one serious case of AEFI reported."

"As for the 57 non-serious AEFI cases reported through the MySejahtera app, they involved children who reported cases of fever and swelling, among others."

"The effects were only for a day or two, and they were categorised as non-serious AEFI cases."



Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali administering a dose of the Covid-19 vaccine to a boy at the SK Saujana Indah vaccination centre in Nibong Tebal yesterday. PIC BY DANIAL SAAD

"We, at the Health Ministry, are closely monitoring the situation," he said after visiting the SK Saujana Indah vaccination centre here yesterday.

Dr Noor Azmi said he would get more details on the serious AEFI case during a briefing today.

He advised parents to monitor their children for at least a week following their vaccination and not to allow them to engage in strenuous activities.

"They should lodge a report via the MySejahtera app on anything involving their children's health."

"For those who can't access MySejahtera app, they can go to the nearest clinic to lodge a report so that the necessary assistance can be rendered."

Dr Noor Azmi said 50,000 vac-

cination jabs were recorded on Monday, which he described as a good improvement.

"We expect to see a daily increase of 1.5 per cent," he added.

PICKids kicked off in early February, initially involving children with comorbidities and those in the high-risk group.

The children were administered with the paediatric dose of the Pfizer-BioNTech Cominarty vaccine, which has been proven to be safe and effective.

The Health Ministry has targeted for 70 per cent of children to receive their first dose within two months, and for 80 per cent of the overall four million children to be vaccinated.

Sarawak is the state with the highest number of PICKids vaccination rate, followed by Mela-

ka, the Klang Valley, Perak and Penang, all of which reported a coverage of between 20 and 30 per cent.

The three states with the lowest PICKids vaccination rate were Kelantan, Terengganu and Sabah, all of which had a coverage of below 10 per cent.

"Efforts are being taken to boost the vaccination rate in the three states. We urge parents to allow their children to be vaccinated to better protect themselves," Dr Noor Azmi added.

Dr Noor Azmi also said the vaccination rate in government Chinese vernacular schools up to Monday was between 31 and 74 per cent, compared with national primary schools' vaccination rate of between 5.9 per cent to 21.9 per cent. **By Audrey Dermawan**

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS / NATION

BETTER RECEPTION

## PICKids UPS PACE IN KELANTAN

11,000 out of 168,000 children aged 5-11 vaccinated, says state health director

SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH  
KOTA BARU  
news@nst.com.my

**D**ESPITE a slow start on Feb 14, the Covid-19 National Immunisation Programme for Children (PICKids) in Kelantan has picked up steam.

Many parents expressed relief at finally having their children vaccinated against the disease.

Fuad Ikhwan said he and his wife Sabariah Ismail, both 43, were glad that two of their four children received their first Covid-19 vaccine doses yesterday.

"As parents, of course we want protection for our children."

He said they understood that the Covid-19 vaccine, like any vaccine, would have potential side effects.

"However, we also understand how important it is to take the vaccine."

"We will monitor the children closely," said the father from Telipot.

He said his wife, who is a doctor at Raja Perempuan Zainab II Hospital here, supported the vaccine.

The couple's children, Siti Norailiah, 11, and Umar, 7, received their first jabs at SK Sultan Ismail here yesterday.

The school was turned into a vaccination centre for its pupils and three other nearby primary schools: SK Kampung Sireh, SK Sultan Ismail 3 and SK Bunut Payong.

State health director Datuk Dr Zaini Hussin said more than 11,000 children aged 5 to 11 had been vaccinated since PICKids started in Kelantan.

He said the state had received 132,000 Pfizer vaccine doses to be used for PICKids.

Dr Zaini said there were more than 168,000 children aged 5 to 11 in Kelantan, including 114,685 children aged 7 to 11 who were registered with the state Education Department.

He said 464 schools in the state would be turned into vaccination centres.



Khalif Ayden Noriman, 9, grabbing his father's hand as he is administered a Covid-19 vaccine at SK Saujana Indah in Nibong Tebal, Penang, yesterday. PIC BY DANIAL SAAD

## '60pc of Sarawak parents back vaccine'

**KUCHING:** A survey by the Sarawak Health Department found that 60.3 per cent of 41,350 respondent parents in the state supported the Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids).

Datuk Jonathan Chai, president of the Association of the Boards of Management of Aided Primary Schools in Kuching, Samarahan and Serian said most parents supported vaccination for children.

He said the survey also found that 14.5 per cent of parents were not keen on their children getting vaccinated as they have concerns about complications and side effects.

"We understand the concerns of some parents and indeed, we respect their decision against allowing their children to get vaccinated. It's their right."

"We will still do our part by strictly adhering to the Covid-19 standard operating procedures irrespective of the number we achieve for vaccinations among school children," he said.

Chai said the school boards would ensure sufficient hand sanitiser, disinfectants and other supplies to keep the virus at bay.

He said he hoped parents would make a decision on vaccinating their children based on information from reliable sources.

Chai said parents should consult doctors or health experts.

"With the spike of cases for the recent Omicron variant, we hope to achieve a high rate of vaccination among students to provide a safer environment for them to have physical classes in school," he said after visiting the MBKS stadium vaccination centre here yesterday.

Chai said it was encouraging to see the overwhelming response from parents of SJK Chung Hua No.3 pupils to get their children vaccinated.

He said 1,132, or 90.27 per cent of SJK Chung Hua No.3's pupils, had been vaccinated in the three-day inoculation drive.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
 MUKA SURAT : 13  
 RUANGAN : LETTERS

## MATERNAL IMMUNISATION

# Why vaccination is vital during pregnancy

**IF** charity begins at home, maternal immunisation says it best.

Vaccination of the mother during pregnancy protects a valuable but vulnerable tetrad of people, namely the mother, her unborn child, her newborn and the nursing infant, all at risk of infection with poor ability to fight them. This is confirmed by a number of clinical studies. Nature also seems to approve of this concept.

When a carefully chosen mulch is provided to a fruiting tree, it is safeguarded and cultivates its young fruit. When in full bloom, the healthy tree shelters spaces beneath it where other foliage and scented flowers sprout.

Likewise, the recommended maternal immunisation with regular antenatal care can ensure an optimal pregnancy and safe delivery. It supports the ideal growth and development of the unborn child and the nursing infant. Under this canopy of robust health, population health is fostered.

During pregnancy, the mother's immune system adapts to protect herself and the growing fetus. The fetus is actively acquiring an immune system with a unique profile while remaining secure in the womb.

The mother and the fetus, however, are predisposed to infections which can have a poor outcome. Premature birth, fetal abnormalities and low birth weight are some adverse effects. With Covid-19, for instance, pregnancy-induced changes in immunity may

lead to serious illness in some.

Hence, vaccination during pregnancy is recommended to protect both the mother and the baby.

Mothers naturally transfer antibodies to the fetus across the placenta for general protection from a spectrum of infections. When a mother is immunised against a specific infection, some antibodies in her that are specific against the infection are transferred to the fetus. Such precise immunity may not last long, but can be lifesaving for her and the baby.

As a newborn and during a baby's early months of life, the baby's maturing immune system will be challenged by many new microbes that were never encountered before. Poor responses to some vaccines and needing multiple doses for full protection add to the dilemma of the immature immune system. Premature babies or babies with underlying problems are most at risk for infections.

While the baby's own immunity and maternal antibodies can offer some protection in this phase, the young immune system is not fully established yet to competently defend against threats. A mother's specific immunity against vaccine-preventable infections can plug this gap of susceptibility, securing metabolic energy for the baby to thrive.

The tetanus toxoid, reduced diphtheria toxoid and acellular pertussis vaccine is safe to get during pregnancy

and prevents whooping cough, a serious disease for the very young until fully immunised. The mother, who is also predisposed to infections, is directly protected.

Maternal immunisation significantly reduces neonatal and maternal tetanus, a preventable infection that ought to be eliminated through hygienic cord care, safe delivery practices and immunisation.

Natural infections trigger a more gradual rise in antibodies, whereas recommended immunisations boost a mother's declining immunity.

Maternal immunity against influenza, enhanced by the inactivated influenza virus vaccine (which does not contain the live virus), prevents hospitalisations, protects the fetus and an infant too young to be immunised.

Elderly close contacts of vaccinated mothers are also protected, scaling up infection control, reducing antibiotic usage and antimicrobial resistance in the community.

Human milk and colostrum guide the maturity of the baby's immunity for short- and long-term benefits. Enriched with specific antibodies by maternal immunisation, a mother can share them in her milk, ensuring the baby is free of infections in its early life to focus on growth and development.

**DR PRAMEELA KANNAN KUTTY**

Professor of Paediatrics, Universiti Perlahanan Nasional Malaysia

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

## Situation in Sabah 'not as worrying'

KOTA KINABALU: There has been an increase in hospital admissions of Covid-19 patients in Sabah but the situation is not as worrying as in the early days of the pandemic, says Sabah Health Department director Datuk Dr Rose Nani Mudin.

"This is because patients were experiencing milder symptoms this time," she said.

Thus, she said, the situation was still manageable with health staff being able to go on duty on a rotation basis with enough time off.

"We are coping well with the current Covid-19 situation in Sabah because there are fewer severe cases and manageable intensive care admissions," Dr Rose said.

Based on Monday's statistics from the state Covid-19 management committee, about 99% of the 4,770 new cases recorded were in Categories One and Two.

Six cases were classified in Category Four and one in Category Five.

Covid-19 bed usage is at 61%, comprising 2,202 units at low-risk quarantine and treatment centres, 1,876 in hospitals, 446 in temporary detention centres, and 28 in private hospitals.

AKHBAR : THE SUN ON WEDNESDAY  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

# Booster **effective** against Omicron: Health DG

► Data shows unvaccinated and those with only two-dose regimen at higher risk of severe effects

**KUALA LUMPUR:** The Covid-19 vaccine booster has been seen as effective and capable of reducing transmission of the coronavirus in Malaysia, which has been mostly triggered by the Omicron variant.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the latest data recorded over the past four weeks from Jan 24 to 21 showed that non-vaccinated individuals in all age groups were at the highest risk of severe effects, especially in categories Four and Five, and also at highest risk of dying from Covid-19.

He said fully vaccinated individuals who have also received the booster shot were the most protected, Bernama reported.

"There are fewer cases with severe effects and even deaths involving vaccinated individuals who have also received the booster shot, compared to non-vaccinated and vaccinated but unboosted individuals," he said in a statement yesterday.

He added that from the data on Covid-19 cases for categories Three, Four and Five per 100,000 population recorded in the four weeks, it can be concluded that the booster provided the best protection from death and severe effects of Covid-19.

As of Monday, 14,078,456 (59.8%) of the adult population in the country have received the booster dose under the National Covid-19

Immunisation Programme - Booster, which began on Oct 1 last year.

Meanwhile, Noor Hisham said the intensive care unit (ICU) bed usage in Johor, Kelantan, Kuala Lumpur and Malacca had surpassed 50% of capacity.

"The ICU bed usage in Johor is now at 70%, followed by Kelantan at 61%, Kuala Lumpur at 58% and Malacca at 54%."

In the statement, Noor Hisham also said 25,099 new cases of Covid-19 were reported on Monday, bringing the cumulative figure to 3,246,779.

"Of the total new cases, 25,014 were local cases and 85 were imported."

Only 100 cases were in categories Three, Four and Five, while the rest were in categories One and Two.

A total of 17,749 recoveries were reported on Monday, bringing the cumulative total of recoveries to 2,955,404.



A mascot cheering children up during a PICKids inoculation drive yesterday at a vaccination centre in Sekolah Kebangsaan Saujana, Penang. — BERNAMAPIX

## 15.9% of child population vaccinated

**KUALA LUMPUR:** A total of 564,220 individuals (15.9% of the child population) aged between five and 11 in the country have received their first dose of the vaccine under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids) as of Monday.

Based on the CovidNOW website, a total of 14,078,456 individuals (59.8% of the adult population) in the country have received booster shots and 22,945,040 (97.5%) have been fully vaccinated, while 23,222,810

(98.7%) have received at least one dose of the vaccine.

For adolescents aged between 12 and 17, a total of 2,799,132 individuals (90% of the group) have been fully vaccinated while 2,886,655 (92.8%) have received at least one dose of the vaccine.

On Monday, a total of 137,307 doses of the vaccine were administered, with 52,804 as first doses, 1,024 as second doses and 83,479 as booster shots, bringing the cumulative number of vaccine doses that

have been administered under the National Covid-19 Immunisation Programme (PIC) to 66,289,382.

Meanwhile, according to the Health Ministry GitHub portal, 43 deaths due to Covid-19 were recorded on Monday, with 10 cases each in Johor and Selangor, seven in Kedah, five in Sabah, two cases each in Kelantan, Pahang and Penang, and one case each in Malacca, Negri Sembilan, Sarawak, Terengganu and Kuala Lumpur. — Bernama